

25 AUG 1997

Anwar - Surat

BERTALU-TALU SURAT TOHMAHAN TERHADAP ANWAR SEJAK JADI PEMANGKU PM

SHAH ALAM, 25 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan hari ini bahawa selepas memangku jawatan Perdana Menteri dua bulan lepas, bertalu-talu surat tohmahan terhadapnya diedarkan dalam satu usaha yang "terancang, teratur dan teliti" bagi memendekkan kerjaya politiknya.

Timbalan Perdana Menteri berkata oleh kerana tidak ada masalah timbul semasa beliau menjalankan tugas Perdana Menteri, ditambah pula hubungannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amat baik, pihak-pihak tertentu merasakan perlu membuat sesuatu untuk mengeruhkan suasana.

"Sudah tujuh, lapan surat dari pelbagai kalangan ... ada yang bertanda tangan, ada yang tidak," kata beliau kepada wartawan selepas merasmikan sambutan Hari Wanita 1997 di Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah di sini.

Anwar mengulas pendedahan Dr Mahathir semalam bahawa beliau (Perdana Menteri) ada menerima sepucuk surat yang mendakwa Anwar terlibat dalam satu skandal seks.

Dr Mahathir menyifatkan surat itu sebagai satu fitnah yang bertujuan meng sabotaj peluang Anwar menggantikan beliau kelak sebagai Perdana Menteri.

Anwar berkata beliau amat sedih perkara ini berlaku memandangkan beliau sentiasa tegas dalam isu menangani surat layang sebagaimana yang terbukti dalam kenyataan-kenyataan umumnya.

Katanya amat jelas perbuatan terhadapnya bermotif politik tetapi amat sukar untuk mendapatkan bukti bagi mengaitkan mereka yang terbabit.

Ditanya sama ada beliau akan mengambil tindakan lanjut, Anwar berkata beliau tidak berhasrat berbuat demikian dan bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa tidak mungkin orang akan menerima tohmahan yang melampau dan tidak berasas.

"Sepertimana Perdana Menteri sebut semalam, dia (penulis surat) dah tulis bagi menafikan sebahagiannya atau menarik balik sebahagian lagi, jadi susah kita nak teruskan.

" Adalah tidak penting siapa yang saya syaki. Yang penting ialah perkara ini sudah dijelaskan. Sepertimana yang Perdana Menteri sebut semalam, saya fikir kita tidak perlu panjangkan," kata beliau.

Ditanya apakah tohmahan terhadapnya itu merupakan usaha terancang bagi memendekkan kerjaya politiknya, Anwar berkata:

"Ya, sebab ia bukan sedikit. Ia datang bertalu-talu, tujuh lapan surat melibatkan belasan orang dengan saya ini. Berat sedikit tu," katanya.

Ditanya bagaimana pula perasaan keluarganya, Anwar berkata reaksi keluarganya agak tenang memandangkan ini bukan kali pertama perkara ini berlaku.

Setiap kali ada perhimpunan agung (UMNO), pemilihan parti atau pilihan raya umum, perkara seperti ini akan berlaku.

"Ini bukan perkara baru. Cuma, kali ini usaha yang dilakukan adalah terancang, teratur dan teliti." -- Bernama

RAZ SJ